



***FENOMENA HOMOSEKSUAL DALAM KALANGAN GAY
BELIA MELAYU DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA***

NOORHAWANEY BINTI YAHAYA

IPSAS 2019 2



**FENOMENA HOMOSEKSUAL DALAM KALANGAN GAY
BELIA MELAYU DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

NOORHAWANEY BINTI YAHAYA

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,Universiti Putra
Malaysia,sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**FENOMENA HOMOSEKSUAL DALAM KALANGAN GAY
BELIA MELAYU DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

NOORHAWANEY BINTI YAHAYA

Disember 2018

Pengerusi : Profesor Turiman bin Suandi, PhD
Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial

Kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena homoseksual dalam kalangan belia Gay Melayu di sekitar Lembah Klang. Pengkaji menggunakan kaedah temubual secara mendalam bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Seramai enam orang informan Gay Melayu yang berusia 22-an dan 30-an terlibat dalam kajian ini. Pendekatan fenomenologi telah digunakan bagi memahami apakah penyebab seseorang belia Melayu memilih untuk menjadi seorang Gay. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah *Interpretative phenomenological analysis* (IPA). Dapatan dalam kajian ini berupaya memberikan pemahaman yang lebih jelas terhadap fenomena homoseksual dalam kalangan Gay Melayu.

Hasil penemuan kajian mendapati bahawa ada faktor yang menarik dan menolak seseorang belia sebelum memilih menjadi seorang Gay. Faktor yang menarik adalah kemahuan diri, persekitaran, media sosial dan video porno. Manakala untuk faktor yang menolak, adalah keliru sewaktu kecil dan ketidakpatuhan gender. Proses ini berlaku bermula informan masih di usia kanak-kanak dan berterusan sehingga ke peringkat yang lebih dewasa. Selain daripada faktor penarik dan penolak, nilai dan amalan agama, gaya hidup dan proses sosialisasi oleh golongan belia Gay Melayu di sekitar Lembah Klang juga turut diteliti bagi memahami bagaimana seseorang belia Melayu memilih untuk menjadi seorang Gay.

Pembentukan minat yang mendalam ke arah hubungan sesama jenis dikenalpasti sewaktu mereka masih kecil. Seterusnya, ketika usia remaja mereka mencari ruang untuk meluahkan rasa keinginan mereka terhadap hubungan sesama jenis dan pencarian ini berterusan sehingga meningkat dewasa. Proses psikologi sosial dan juga psikososial semasa pembesaran turut mempengaruhi mengapa dan bagaimana fenomena homoseksual ini tersebar.

Secara umumnya, golongan gay dikenalpasti melalui cara penampilan diri seperti imej pemakaian, cara pergaulan, dan cara berkomunikasi di media sosial. Dalam pada itu, bahasa tubuh, gaya bahasa dalam pertuturan dan jelingan mata juga turut memudahkan proses mengenalpasti golongan Gay di Malaysia. Di samping, mempunyai tempat-tempat tertentu sebagai tempat pertemuan, bersantai dan bertemu ahli baharu, golongan Gay di Malaysia juga mempunyai rangkaian media sosial yang memudahkan mereka mengenalpasti golongan mereka dan mendapatkan perkembangan terbaru sesama mereka.

Kajian merumuskan bahawa fenomena ini harus diberikan perhatian serius kerana fenomena ini tidak berlaku secara mendadak tetapi melalui proses berperingkat. Kekeliruan yang mereka hadapi sewaktu kecil tidak boleh dipandang ringan oleh ibu bapa dan guru. Fasa awal perkembangan kanak-kanak perlu diberi penelitian yang lebih dari segi pendekatan agama dan budaya setempat kerana fasa ini memainkan peranan paling penting dalam pembentukan identiti seksual seseorang individu dan ibu bapa juga perlu mengawasi anak-anak dengan meneliti dengan siapa mereka berkawan kerana selepas pengaruh ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, abang angkat serta rakan sekerja memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kehidupan seseorang individu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE PHENOMENON OF HOMOSEXUALITY AMONG MALAY YOUTH
GAY IN KLANG VALLEY, MALAYSIA**

By

NOORHAWANEY BINTI YAHAYA

Disember 2018

Chairperson : Professor Turiman bin Suandi, PhD
Faculty : Institute of Social Science

This study aims to understand the homosexual phenomenon among Gay Malays youth around the Klang Valley. Researchers use the in-depth interview method to get the necessary information. Six gay men informants of the 22s and 30s involved in this study. A phenomenological approach uses to understand what causes a Malay youth to choose to become a Gay. The data obtained analysed using Interpretative phenomenological method (IPA). The findings in this study were able to give a clearer understanding of the homosexual phenomenon among Gay Malays.

The finding of the study showed that there is a pulling and pushing factors before choosing to become a Gay. Pulling factors are self-interest, environment, social media and pornographic videos. The pushing factors are confused during childhood and gender nonconformity. This process occurs when informants are still young and continue teenage aged. Besides the pulling and pushing factors, the values and practices of religion, lifestyle and the socialization process by the Gay Malaysians around the Klang Valley were also observed to understand how a Malay youth chose to become a Gay.

Forming an intimate concern towards same relationships is identified when they are young. Subsequently, when they are teens are looking for space to express their sense of intimacy towards same-sex relationships and this exploration continues until adulthood. The psychological processes and psycho-social during development also effect why and how these phenomena of homosexuality are spread.

Generally, gay groups are identified by self-expression such as image usage, social interaction, and how to communicate in social media. In the meantime, body language, and eyesight also help the process of identifying Gay in Malaysia. In

addition, having certain places as a meeting place, relaxing and meeting new members, the Gay community in Malaysia also has a social media network that makes it easy for them to find their groups and get the latest developments among themselves.

The study concludes that this phenomenon should be taken seriously because this phenomenon does not occur dramatically but through a gradual process. The confusion they face in childhood cannot be taken carelessly by parents and teachers. The early stages of child development should be given more attention in terms of religious and local cultural because this is the most important role in the formation of an individual's sexual identity and parents should also check children by examining which whom they are friends because after the parents, the peer will play an important role in influencing the life of an individual.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada ALLAH S.W.T kerana limpah kurniaNYA, membolehkan saya untuk menamatkan pengajian ini. Terima kasih tidak terhingga buat Ibu tercinta, kerana tidak putus mengirimkan doa dan nasihat dalam usaha menuntut dan mendalami ilmu di peringkat ini. Jutaan terima kasih juga buat bapa saudara, Dato' Ibrahim Ali kerana sudi membantu serta memberi dorongan dan sokongan kepada saya tidak kira dari segi wang ringgit mahupun sokongan emosi dalam meneruskan pengajian ini. Tidak lupa juga terima kasih yang tidak terhingga buat supervisor saya, Prof Turiman Suandi, Dr Zoharah Omar dan Prof Madya Datin Dr Jamilah Othman, dan Prof Madya Dr Ismi Ariff kerana sudi berkongsi ilmu dan membantu saya untuk memberikan yang terbaik dalam kajian ini.

Tidak dilupakan kepada sahabat karib, Azrin, Hazmira dan fazdli kerana sudi membantu tanpa ada syarat. Sekalung penghargaan dan terima kasih buat 9 informan gay saya kerana sudi berkongsi pengalaman hidup sebagai gay dengan jujur dan tidak jemu melayan kerenah saya sebagai pengkaji dan semoga kita menjadi kawan kerana ALLAH.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih buat kakak tercinta, Norhaiyena binti Yahaya, kerana sanggup berkorban apa sahaja, berkongsi suka dan duka demi melihat adiknya memegang segulung Ijazah Doktor Falsafah. Terima kasih dengan tulus ikhlas juga buat adik kesayangan (Madiah) dan suaminya (Azmil) , kerana banyak membantu ketika menyiapkan kajian ini. Terima kasih buat adik kesayangan Mareney, kerana sudi membelikan motorsikal kerana tidak sanggup melihat kakaknya berjalan kaki ke universiti, kepada suami (Mareney) iaitu fakrulradzi kerana sudi menumpangkan kak ipar di rumah sementara menyiapkan proses menghantar tesis ini. Kepada adik kesayanganku Amira, terima kasih kerana sentiasa ada bersama tatkala diperlukan. Tidak dilupakan kepada adik-adik kesayangan saya , iaitu Amani Saudah, Laila Najihah, Muhammad Faiz, Khairol Akmal, Nadiya Balqis dan Faizal Mustaqim kerana sudi mendoakan kakakmu ini dan membantu di kala susah. Kepada anak buah tersayang, Qaseh Humaira, Ammar Miqael, Afy Ilman dan Aara Imani terima kasih kerana hadir kalian membawa semangat dan suntikan buat mama cit dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Turiman bin Suandi, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ismi Arif bin Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zoharah Omar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Noorhawaney Binti Yahaya, GS 31843

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Dr. Turiman bin Suandi

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor. Madya Dr. Ismi Arif bin Ismail

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Zoharah Omar

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan masalah	8
1.4 Skop kajian	12
1.5 Batasan kajian	13
1.6 Kepentingan kajian	13
1.6.1 Sumbangan kepada Bidang Ilmu	13
1.6.2 Sumbangan kepada praktis	14
1.6.3 Sumbangan kepada polisi	14
1.7 Definisi Istilah	15
1.8 Ringkasan	20
2 SOROTAN LITERATUR	21
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Gay (Lelaki Homoseksual)	21
2.3 Homoseksual dan Perspektif Islam	23
2.4 Gay dan Persekitaran	35
2.4.1 Pengaruh rakan sebaya dalam perkembangan individu	36
2.4.2 Pengaruh komuniti dalam kehidupan individu	37
2.4.3 Pengaruh media sosial dalam proses interaksi komuniti gay	37
2.5 Kerangka konsep kajian	38
2.6 Perspektif Psikososial	38
2.6.1 Teori Sigmund Freud (1971)	38
2.6.2 Teori perkembangan Erikson	40
2.6.3 Teori Ekologi Manusia (Bronfenbrenner, 1979)	47
2.6.4 Model Cass (1979)	48
3 METODOLOGI KAJIAN	55
3.1 Pendahuluan	55
3.2 Reka bentuk kajian	55

3.2.1	Justifikasi pemilihan reka bentuk kajian	56
3.3	Kaedah penyelidikan kajian	57
3.3.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah	58
3.4	Pemerhatian Tidak Turut Serta	59
3.4.1	Pengkaji Sebagai Instrumen	60
3.4.2	Aktiviti di lapangan	60
3.5	Mengenalpasti informan	60
3.5.1	Informan Kajian, Kriteria Pemilihan dan Prosedur Pemilihan	61
3.5.2	Prosedur Pemilihan Informan	61
3.6	Kajian Rintis Dan Sebenar	63
3.6.1	Kajian Rintis	64
3.6.2	Susunan Temubual	66
3.6.3	Pemerhatian Tidak Turut Serta dan Temubual separa berstruktur (Kajian rintis)	66
3.7	Proses Mendapatkan Data	67
3.7.1	Mendapatkan maklumat awal informan	67
3.7.2	Grid Orientasi Seksual oleh Klien	68
3.7.3	Temubual secara mendalam	69
3.8	Panduan temubual	70
3.8.1	Pengurusan Data	70
3.8.2	Kesahan dan kebolehpercayaan	71
3.8.3	Triangulasi	71
3.8.4	Penilaian rakan	71
3.8.5	Memanjangkan masa kajian	71
3.8.6	Kajian rintis	72
3.8.7	Etika dalam kajian	72
3.9	Proses Penganalisan mengikut kaedah Interpretative phenomenological analysis (IPA)	73
4	DAPATAN KAJIAN	76
4.1	Pendahuluan	76
4.2	Biografi informan	77
4.2.1	Ringkasan profil informan	91
4.3	Dapatan Kajian	94
4.4	Perbincangan	129
4.4.1	Ringkasan	136
5	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	141
5.1	Pendahuluan	141
5.2	Kesimpulan	141
5.3	Implikasi kajian	142
5.4	Cadangan	143
	RUJUKAN	150
	BIODATA PELAJAR	165
	SENARAI PENERBITAN	167

SENARAI JADUAL


Jadual	Muka surat
2.1 Tahap perkembangan psikoseksual Freud	40
2.2 Lapan peringkat perkembangan psikososial oleh Erik Erikson	42
3.1 Jadual pemerhatian tidak turut serta dan rasional	60
3.2 Ringkasan kriteria pemilihan informan	62
3.3 Senarai Informan gay yang di temubual bagi kajian awal	63
3.4 Kaedah kajian yang digunakan semasa sesi kajian awal	67
3.5 <i>The Klein Scale: Orientasi Seksual</i>	69
4.1 Demografi Informan ketika pertama kali di temubual pada tahun 2015	78
4.2 Profil pekerjaan informan ketika temubual susulan pada tahun 2018	79
4.3 Ringkasan tahap perkembangan informan mengikut model Cass (1979)	88
4.4 Ringkasan keseluruhan tahap perkembangan mengikut model Cass (1979)	90
4.5 Ringkasan personaliti informan	92
4.6 Jadual kategori dan tema	95
4.7 Taburan kategori dan tema mengikut informan	128

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat	
1.1	Proses kajian	19
2.1	Diposisi Dalam Seseorang Manusia (Nasir, 2010)	30
2.2	Model Ekologi Pembangunan Manusia	47
2.3	Kerangka teoritikal	51
2.4	Kerangka konseptual	53
3.1	Pengumpulan Data dan Penganalisan Data	75
4.1	Profil Belia Melayu yang Terlibat dalam Dunia Gay	79
4.2	Peringkat Umur Informan Mengalami Kekeliruan	116
4.3	Cara Gay Berkenalan dengan Rakan Baru	137
4.4	Proses Sosialisasi dalam Kalangan Gay Melayu di Sekitar Lembah Klang	139
5.1	Cara untuk mengatasi masalah orientasi seksual (Gay)	146
5.2	Model Perubahan Diri ke arah Menjadi Muslim Sejati	148

SENARAI SINGKATAN

LGBT	Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MAWAIP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
IPA	Interpretative Phenomenology Analysis
ATLAS ti	Perisian Analisa Data Kualitatif
NARTH	National Association for Research and Therapy of Homosexuality
NVIVO	Perisian Analisa Data Kualitatif



BAB 1

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, signifikansi kajian, skop kajian dan definisi konsep.

1.1 Pendahuluan

Pendidikan komuniti adalah satu proses pendidikan sepanjang hayat merangkumi golongan kanak-kanak sehingga golongan tua. Generasi belia tentunya tidak terkecuali dalam proses pendidikan sepanjang hayat ini. Komuniti adalah satu entiti di dalam masyarakat yang mampu memberi kesan ke atas kehidupan seseorang individu sama ada daripada sudut positif mahupun negatif. Istilah komuniti itu sendiri mempunyai implikasi positif dan negatif bagi yang terlibat (Azzopardi, 2011).

Golongan belia dilihat sebagai satu entiti yang mampu memberikan impak yang besar kepada pembangunan sesebuah negara. Menurut Mohd Najib (2015), belia merupakan aset yang penting kepada negara kerana belia hari ini akan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Belia adalah mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 2006). Pada tahun 2018, umur belia sudah dipinda kepada mereka yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun (Dasar Belia Malaysia, 2015). Jumlah belia di Malaysia yang berumur di antara 15 sehingga 29 tahun pada tahun 2016 adalah sebanyak 9.3 juta orang daripada keseluruhan 31.7 juta penduduk yang ada di Malaysia. Statistik oleh (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Namun begitu, definisi belia berbeza di antara sebuah negara kepada negara yang lain bergantung kepada faktor institusi, politik dan budaya (Faizah, 2006).

Belia adalah tonggak pembangunan sesebuah negara. Menurut Buerah et.al (2015), golongan belia merupakan pewaris kepimpinan negara dan mereka perlu menyiapkan diri untuk menggalas tanggungjawab yang besar dalam sesebuah negara yang maju dan bertamadun. Sesebuah negara mampu berkembang maju jika golongan belianya bergerak seiring dengan matlamat sesebuah negara. Dalam mencapai Wawasan 2020, golongan belia seharusnya bergerak aktif dan menjauhi budaya atau gejala tidak sihat bagi memastikan agenda pembangunan negara terus mapan dan maju. Generasi belia adalah generasi terbesar negara perlu selari dengan matlamat utama pembangunan belia ialah untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah, bertanggungjawab dan menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan wawasan 2020 (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997).

Belia banyak dikaitkan dengan masalah gejala sosial seperti budaya berpelesenan, *skinhead*, penyalahgunaan dadah, gangster, khalwat, pelacuran, minum arak, gejala bohsia dan bohan, mat rempit (Zulkifli, 2004). Belia bukan sahaja dikaitkan dengan gejala sosial malah turut dikaitkan dengan budaya homoseksual. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi "Lesbian, Gay, biseksual dan transgender (LGBT) bukan masalah bagi satu kelompok bangsa atau agama sahaja tetapi ia telah menjadi masalah global, pelbagai usaha mengekang gejala ini masih diteruskan bagi menghindar budaya songsang itu terus memusnahkan struktur sosial," (Sinar Harian, 2013).

Berita mengenai 'Gay Muslim' pada 2006 telah mencetuskan kontroversi yang mendedahkan 5 orang lesbian dan gay mendakwa mereka adalah Muslim. Dokumentari tersebut memperlihatkan imej perkahwinan yang membabitkan golongan Muslim tinggal di Amerika Syarikat, Kanada dan India. (Berita Harian, 2012). Penerimaan masyarakat terhadap golongan gay, lesbian dan biseksual lebih baik berbanding dahulu dan kemunculan golongan ini semakin hari semakin membesar di seluruh Amerika Syarikat, Kanada, Eropah Barat, dan Australia. Namun begitu, terdapat sebilangan golongan gay tidak menonjolkan identiti sebenar kerana persekitaran yang prejudis terhadap golongan ini (Century et al., 2010). Walaupun terdapat sebilangan golongan gay berani menonjolkan diri namun kajian berkaitan golongan ini dilihat sukar untuk mendapatkan penyertaan yang besar kerana kesukaran mengenalpasti identiti seorang gay (Century et al., 2010).

Budaya homoseksual sudah lama wujud dalam sejarah Islam. Kisah kaum Sodom iaitu kaum Nabi Luth a.s telah lama terlibat dalam budaya homoseksual. Menurut Bearss (2010), gay adalah merujuk kepada individu lelaki yang mempunyai daya tarikan kepada hubungan sesama jenis atau mempunyai tarikan seksual terhadap pasangan sesama jenis. Golongan gay ini adalah seperti golongan lelaki biasa dari sudut fizikal namun begitu berbeza dari sudut orientasi seksual. Kebanyakan agama menegah apa yang dilakukan golongan gay iaitu mempunyai hubungan sesama jenis kerana akan memudaratkan pengamalannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Belia adalah pewaris masa depan negara seharusnya mempunyai personaliti dan tingkah laku yang baik. Belia Melayu Muslim digalakkan untuk mempunyai akhlak terpuji. Menurut Yusof Al-Qaradhawi (1993); dan Khairani (2012), akhlak mulia merupakan satu juzuk utama daripada pembentukan masyarakat Islam. Penglibatan belia Melayu Muslim dalam fenomena homoseksual menjadi isu yang sering dibincangkan kerana kewujudan keinginan ini amat membimbangkan kerana keinginan ini bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia yang kebanyakan berorientasikan heteroseksual. Menurut Syarifah Rohaniah (2011), homoseksual adalah gaya hidup jantina sejenis yang menyukai antara satu sama lain dalam pergaulan, corak hidup, dan unsur-unsur seksualiti sejenis.

Menurut Savin-Williams (2006), seksualiti merujuk kepada tiga jenis utama iaitu orientasi, tingkah laku dan identiti. Orientasi merujuk kepada keinginan, fantasi atau tarikan terhadap individu yang berlawanan jantina, sama jantina, kedua-dua jantina atau tidak kepada mana-mana jantina. Manakala identiti merujuk kepada nama atau label yang dibina secara sosial bagi menonjolkan seksualiti dan diri mereka, contoh: lurus, gay, lesbian, biseksual, panseksual, mak nyah atau seumpama dengannya. Tingkah laku pula merujuk kepada seksual yang sebenar dan hubungan intim yang dilakukan oleh seseorang individu yang terlibat (Robertson, 2013).

Manakala menurut *Sweedish Federation for Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender Rights* (2014), orientasi seksual terdiri daripada tiga komponen utama: praktis, identiti, dan keinginan atau keutamaan. Praktis merujuk kepada apa yang individu lakukan, pengalaman mereka, hubungan dengan individu lain dan dengan siapa mereka mempunyai hubungan seksual. Identiti merujuk kepada gambaran untuk diri-sendiri dan melibatkan perasaan diri dan apa yang dirasai. Keutamaan pula merujuk kepada bergantung kepada siapa yang mereka mahu berkongsi hidup dan mempunyai hubungan keintiman. Orientasi seksual seseorang individu boleh terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu kepada pasangan yang berbeza jantina (heteroseksual), kepada sama jantina (homoseksual) atau kepada kedua-dua jantina (biseksual) (Lindblom, 2015).

Seksualiti juga sering dikaitkan dengan jantina dan seks. Orientasi seksual adalah berbeza daripada komponen seks dan jantina yang lain, termasuk seks biologi (ciri-ciri anatomi, fisiologi dan genetik yang dikaitkan dengan lelaki atau perempuan), identiti jantina (perasaan daripada segi psikologi sebagai lelaki atau perempuan) dan peranan jantina dalam norma sosial budaya yang menentukan tingkah laku feminin dan maskulin (American Psychological Association, 2008).

Orientasi seksual merujuk kepada jenis jantina bagi seseorang individu itu tertarik kepadanya secara emosi, fizikal, seksual dan romantik (Siti Hajar, 2018) manakala Menurut LeVay (1993), orientasi seksual ditakrifkan sebagai “arah perasaan seksual atau tingkah laku seksual terhadap individu yang berlainan jenis (heteroseksual), sama jenis (homoseksual), atau kombinasi daripada heteroseksual dan homoseksual (biseksual). Homoseksual didefinisikan sebagai gay dan lesbian (Shively, 1984; Sell & Petruccio, 1995). Manakala istilah gay dan lesbian lebih tertumpu kepada mereka yang suka dan tertarik nafsu syahwatnya kepada kaum sejenisnya (Beigel, 1971). Orientasi seksual juga boleh merujuk kepada gaya hidup tertentu (tingkah laku) yang menggambarkan individu (Sachin Jain & Silva, 2011). Orientasi seksual adalah tarikan romantik atau tarikan seksual terhadap pasangan berlainan jantina (heteroseksual) atau kepada pasangan sesama jantina (homoseksual) (American Psychological Association, 2008). Istilah homoseksual (gay dan lesbian), heteroseksual (lurus), dan biseksual adalah istilah biasa digunakan untuk menggambarkan maksud orientasi seksual (R L Sell, 1997).

Homoseksual adalah isu kontroversi dalam banyak tradisi agama. Hujah agama adalah sering digunakan dalam membenarkan tindakan untuk menentang dan menolak dasar mengenai homoseksual dan, ramai lelaki memberikan reaksi untuk berpaling dari tradisi agama dan meneruskan perjalanan ke arah pembentukan identiti homoseksual (Rosser 1992, Rey 1997) dalam (Minwalla, Rosser, Feldman, & Varga, 2005). Pada peringkat awal pembentukan identiti, penolakan kepada tradisi agama menjadi sesuatu yang biasa apabila berada pada tahap pendedahan identiti diri sendiri atau di sebut sebagai “*coming out*”. Namun pada peringkat seterusnya iaitu peringkat penerimaan identiti dan kebanggaan identiti sebagai homoseksual, adalah menjadi keutamaan bagi golongan homoseksual di tahap ini untuk menggabungkan identiti homoseksual dan agama (Minwalla, Rosser, Feldman, & Varga, 2005).

Homoseksual adalah isu kontroversi kebanyakan agama di dunia. Para ilmuan Muslim kontemporari berpendapat bahawa semua manusia “secara semulajadi” adalah heteroseksual. Homoseksual dianggap sebagai satu dosa dan penyelewangan kepada fitrah semulajadi manusia (Abu-Saud, 1990; Minwalla, Rosser, Feldman, & Varga, 2005). Walaubagaimanapun, dalam agama Islam sendiri terdapat pelbagai hujah berkaitan kewujudan golongan homoseksual ini. Agama mengutuk perbuatan homoseksual adalah kerana perkara ini ditegah dalam kitab Al-Quran (Siraj, 2009), sesuatu yang negatif dan dianggap songsang (Siti Hajar, 2018), perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia (Noor Hafizah & Norsaleha, 2016). Menurut Al-Fatiha Foundation (2002), Islam adalah agama arus perdana secara rasminya mengutuk perbuatan homoseksual, namun begitu sudah terdapat pergerakan Muslim yang progresif, terutamanya di dunia Barat, yang memandang Islam sebagai agama yang berkembang yang harus disesuaikan kepada masyarakat moden.

Dalam kajian oleh Minwalla, Rosser, Feldman, & Varga, (2005) juga turut menyatakan bahawa golongan gay Muslim ini memang wujud dan mereka bergelut dengan isu identiti seksual dan mereka juga mempunyai “*dual-identity*” atau dwi identiti yang sekurang-kurangnya mempunyai tiga dimensi iaitu identiti agama, identiti etno-budaya dan identiti berdasarkan warna kulit. *Identiti agama* menekankan hubungan dengan Allah. Seseorang gay Muslim berhadapan dengan konflik hakikat seorang Muslim dan menjadi seorang gay. Mereka memilih kembali kepada Allah dengan erti kata berdamai dan menjadikan Allah teman rapat. Dimensi seterusnya adalah *identiti etno-budaya*. Perbezaan budaya telah menyukarkan seseorang individu Muslim menonjolkan diri sebagai seorang gay. Cabaran utama dalam menonjolkan identiti sebagai seorang gay Muslim adalah kesan kepada keputusan soal keintiman, perkahwinan, keluarga, dan keselamatan peribadi. *Identiti berdasarkan warna kulit* pula menekankan perbezaan warna kulit kerana di dalam kajian Minwalla et al.(2005), di barat, dinamik sosial yang dikuasai oleh golongan gay berkulit cerah.

Dalam kajian oleh Jaspal & Siraj, (2011) berkaitan persepsi tentang pendedahan identiti seksual, menyatakan British mempunyai kadar peningkatan terhadap golongan homoseksual, namun tidak seorang pun dalam kalangan Muslim British

menyatakan bahawa homoseksual diterima secara moral, berbanding 58% orang awam yang percaya ia adalah boleh diterima secara moral. Berbeza dengan negara Perancis, yang mempunyai bilangan penduduk Islam yang ramai, iaitu lebih daripada satu pertiga daripada Muslim Perancis menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dengan homoseksual. Tidak hanya persepsi untuk tidak menerima, terdapat juga golongan yang mononjolkan diri sebagai gay mendapat ancaman kerana identiti seksual mereka.

Tercatat di dalam Al-Quran bahawa lelaki dan wanita dibezakan melalui 'sifat' dan sifat ini yang menjadi asas kepada saling bergantung antara satu dengan yang lain. Perkahwinan iaitu antara lelaki dan wanita, memberikan kesan terhadap kehidupan umat Islam dalam empat cara iaitu menjaga kehormatan seseorang individu, membawa kepada pembangunan dan kekuatan keluarga, menghalalkan hubungan seksual dan membolehkan pasangan untuk mendapat zuriat. Ini kerana secara asasnya, sudah difahami bahawa dalam Islam sodomi adalah ditegah dan ada hadith yang menyatakan hukuman bunuh ke atas pelaku. Maksud hadith tersebut seperti di bawah:

“Jika kamu dapati seseorang melakukan amalan kaum Luth, bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.”

Sunan Ibn Majah

Hadith ini sahih namun tidak diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan menjadi hujah perdebatan sama ada hadith ini sahih atau dhaif (Mohd Izwan et al.2015). Menurut Mazhab Al-Syafie, sekiranya pelaku seorang muhsan, pelaku direjam hingga mati. Sekiranya pelaku bukan muhsan, dia akan disebat sebanyak 100 sebatan dan dibuang negeri selama setahun (Al-Bakri, 2017).

Menurut Sprigg (2004), golongan homoseksual ini tidak bermoral kerana melanggar asas keluarga ideal iaitu penyatuan diantara seorang lelaki dan wanita dalam membina sesebuah keluarga. Menurut Varnell (2003), homoseksual bukan suatu yang tidak bermoral kerana pasangan ini berhak mendapat cinta sama seperti pasangan heteroseksual dan mampu membentuk keluarga yang ideal. Sebagaimana pasangan heteroseksual yang mempunyai nafsu dan keinginan begitu juga dengan pasangan homoseksual cuma yang berbeza adalah jantina pasangan mereka. Sprigg (2004), tidak bersetuju bahawa cinta mampu membentuk sebuah keluarga yang ideal kerana cinta datang dan pergi. Keluarga ideal adalah lebih penting daripada sebuah negara, bandar atau kampung seseorang individu. Malahan keluarga lebih penting dari sekolah mahupun organisasi sivik. Ini kerana pembinaan tamadun manusia adalah bermula dari bawah ke atas. Namun begitu bagi golongan gay ini, mereka tidak dibenarkan berkahwin di negara ini sama ada daripada sudut undang-undang, agama mahupun budaya setempat. Masalah isu lesbian, gay, bisexual dan transgender bukan sahaja mengakibatkan pertembungan hak, malah boleh menjurus ke arah keruntuhan institusi keluarga (Berita Harian, 2018).

Sementelahan itu, mereka juga tidak mungkin mempunyai zuriat hasil perkahwinan homoseksual itu. Setiap manusia akan menjengah usia emas jika diberi peluang oleh sang pencipta dan di usia emas seseorang individu, mereka memerlukan ahli keluarga bagi menjaga dan menguruskan hal kehidupan kerana ketidakmampuan mereka melakukan sesuatu kerja kerana faktor usia dan tahap kesihatan. Isu timbul apabila golongan homoseksual sudah menjangkau usia emas, siapakah yang ingin berkongsi suka dan duka sewaktu mereka di usia itu kelak.

Mereka yang mempunyai minat kepada golongan sesama jenis turut dikaitkan dengan masalah kesihatan mental. Namun begitu keputusan homoseksual mempunyai perkaitan sakit mental adalah bukan terhasil daripada kajian klinikal atau bukti saintifik kerana setiap isu berkaitan homoseksual mempunyai campur tangan dari segi politik setempat (Sprigg, 2004). Penentangan terhadap golongan homoseksual ini berlarutan sehingga kebanyakan masyarakat mahupun penulis sering mengatakan golongan ini mempunyai sakit mental. Walaubagaimanapun, sejak tahun 1975, Persatuan Psikologi Amerika telah meminta para psikologi untuk memimpin masyarakat dalam menghilangkan stigma penyakit mental yang telah lama dikaitkan dengan orientasi lesbian, gay dan biseksual. Golongan homoseksual juga tidak menepati kriteria yang boleh dianggap sebagai masalah mental (Anderson & Black, 2001). Menjadi homoseksual atau biseksual tidak bermakna seseorang individu itu mengalami masalah mental atau tidak normal (Abraham, 2010).

Selain dianggap pesakit mental, budaya homoseksual turut menyebabkan individu yang terlibat memiliki tingkah laku devian. Tingkah laku devian ini boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk tanpa mengira umur dan jantina. Di dalam kajian ini, tingkah laku devian dinyatakan sebagai tingkah laku yang dianggap berlawanan dengan norma-norma dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima (Azizi, 2006). Hanya pasangan daripada heteroseksual akan dianggap normal manakala golongan daripada homoseksual dan biseksual diklasifikasikan sebagai tidak normal (Robertson, 2013). Budaya homoseksual golongan gay melibatkan individu yang bertingkah laku devian.

Isu berkaitan gay atau homoseksual tidak terhenti di situ apabila golongan ini juga menghadapi dilema dalam diri sama ada menjadi seorang gay atau menuruti perintah agama. Dilema dalam kalangan komuniti gay yang beragama Islam, kristian dan Yahudi umumnya wujud kerana kehendak gay dan tuntutan agama selamanya tidak akan selari. Golongan gay Muslim berasa berdosa apabila mereka mengaitkan kisah kaum Luth yang terlibat dengan sodomi dengan keinginan mereka terhadap pasangan sesama jenis. Cerita Nabi Daud a.s. dikatakan jatuh cinta dengan lelaki (ada yang mengatakan berkahwin dengan lelaki) juga turut dilaknat Tuhan (Boellstorff, 2005). Namun terdapat golongan gay yang berpendapat mereka adalah insan yang diciptakan Allah, kepercayaan mereka kepada keagungan Allah, Maha mengetahui, dan Maha bijaksana telah menjadi titik permulaan untuk gay Muslim menyimpulkan bahawa gay telah diciptakan oleh Allah dan oleh itu, mereka merasakan mereka tidak berdosa (Boellstorff, 2005).

Jika diamati, isu meminati hubungan sesama jenis ini, bukanlah sesuatu isu yang baru. Sebaliknya, Allah SWT telah menjelaskan tentang permasalahan homoseksual yang berlaku di kalangan umat Nabi Luth a.s. Dalam kisah ini, diceritakan bahawa, kaum Nabi Luth a.s telah membudayakan satu perbuatan yang menyalahi kesucilaan, iaitu; liwat. Amalan ini telah diharamkan dan dimurkai oleh ALLAH S.W.T namun begitu kaum Nabi Luth a.s tidak mengendahkan pujuk dan ajakan Nabi Luth a.s supaya mereka kembali ke pangkal jalan. Bangsa Melayu sangat sinonim dengan agama Islam. Bukan sahaja agama Islam, agama Kristian, Yahudi, Budha, dan lain-lain agama turut terpalit dalam isu sejagat ini. Rata-rata agama melarang keras penganutnya untuk terlibat dalam budaya homoseksual ini, Selain daripada agama, negara-negara di dunia ini juga turut merasai bahang kebangkitan golongan homoseksual yang semakin hari semakin berkembang.

Malaysia juga tidak terlepas daripada isu homoseksual. Isu homoseksual mula menjadi perbualan hangat bermula pada tahun 2008, apabila festival Seksualiti Merdeka mula dianjurkan oleh Pakatan NGO Malaysia, artis dan individu-individu tertentu. Namun begitu, festival ini mendapat kecaman hebat daripada netizen dan bantahan daripada badan keagamaan di Malaysia, dan parti politik. Menurut pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), agama Islam mengharamkan hubungan lelaki sesama lelaki (gay) atau perempuan sesama perempuan (lesbian) kerana perhubungan tersebut adalah suatu yang berlawanan dengan sunnatullah. Kerajaan Malaysia juga tidak mengiktiraf kewujudan golongan ini dan tindakan ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Perkara ini amat merisaukan bagi umat Islam di mana golongan belia sudah jauh hanyut dalam arus modenisasi. Pemikiran kita umat Islam seolah-olah dijajah oleh cara pemikiran barat. Dalam era globalisasi yang dihadapi sekarang ini memperlihatkan suasana baru dalam kehidupan masyarakat dunia dan masyarakat Islam khususnya. Sri Mulyati dalam Mohd (2011) menyatakan bahawa kita boleh melihat globalisasi yang berlaku sama ada sebagai ancaman atau sebagai cabaran, bergantung bagaimana cara melihat dan menghadapi suasana baru ini.

Dalam menghadapi isu sosial ini, Malaysia telah mengeluarkan beberapa Akta dalam usaha mengelakkan budaya liwat daripada merebak seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) yang boleh dikuatkuasa kepada umat Islam; Seksyen 25 (kesalahan liwat) ; Seksyen 26 (kesalahan musahabah atau perhubungan sejenis sesama perempuan (lesbian) ; dan Seksyen 29 (perbuatan tidak sopan di tempat awam yang membawa maksud mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syarak di tempat awam) (Utusan Melayu, 2012). Namun begitu akta khusus bagi golongan gay masih tidak kelihatan dan akta-akta ini seolah-olah tidak memberi sebarang kesan kepada golongan gay ini kerana semakin hari semakin ramai golongan belia meminati atau mendekati budaya homoseksual ini.

1.3 **Penyataan masalah**

Belia adalah pewaris masa depan negara, dan peneraju di masa hadapan. Belia Melayu Muslim digalakkan untuk mempunyai akhlak terpuji. Menurut Yusof Al-Qaradhawi (1993); Khairani (2012), akhlak mulia merupakan satu juzuk utama daripada pembentukan masyarakat Islam. Namun begitu yang terjadi adalah sebaliknya. Keterlibatan golongan belia dalam gejala homoseksual tidak diterima oleh masyarakat kerana perbuatan golongan ini ditegah oleh agama dan norma serta budaya setempat. Menurut pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), agama Islam mengharamkan hubungan lelaki sesama lelaki (gay) atau perempuan sesama perempuan (lesbian) kerana perhubungan tersebut adalah suatu yang berlawanan dengan sunnatullah. Kerajaan Malaysia juga tidak mengiktiraf kewujudan golongan ini dan tindakan ini adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi, fenomena ini semakin serius dan jika ia tidak dibendung dari akar umbi, penyakit ini mampu menjadi semakin parah (Sinar Harian, 2012) dan "LGBT bukan masalah bagi satu kelompok bangsa atau agama sahaja tetapi ia telah menjadi masalah global, pelbagai usaha mengekang gejala ini masih diteruskan bagi menghindar budaya songsang itu terus memusnahkan struktur sosial," (Sinar Harian, 2013). Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim, gaya hidup LGBT mendedahkan pengamal kepada masalah sosial seperti pelacuran, dadah, risiko, HIV/Aids, kecelaruan psikologi dan mental (Berita Harian, 2012) dan mereka yang melanggar norma-norma masyarakat setempat ini boleh dianggap sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian (Azizi & Rosnah, 2007).

Kaunselor berdaftar, Hushim Salleh, turut menyuarakan pandangan bahawa kerajaan perlu menangani isu LGBT dengan cepat dan tegas kerana penyakit sosial tersebut telah merebak menjadi barah dalam masyarakat memandangkan pengamalnya terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk ahli politik (Utusan Malaysia, 2012). Menurut Hushim Salleh lagi, apabila seseorang sudah terjebak, gay dan biseksual ini umpama ketagih dadah dan menjadi ketagih walaupun sudah beristeri (Utusan Malaysia, 2012). Pengamal perubatan yang juga Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr. Maamor Osman berkata, *trend* amalan homoseksual di negara ini semakin membimbangkan (Kosmo, 2008). Menurut Ramlan (2012), George Harvard dalam bukunya Revolusi Seks menyatakan "kita tidak bimbang akan bahaya nuklear yang mengancam kehidupan manusia di abad moden ini. Namun yang kita bimbangkan adalah serangan bom seks setiap saat yang meledak, dan menghancurkan moral manusia". Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Jaringan Melayu Malaysia (JMM) mendapati sebanyak 21 laporan polis telah dibuat sepanjang tahun 2011 berkenaan pembabitian pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks luar tabii yang lebih dikenali sebagai seks sejenis.

Homoseksual terjadi di seluruh lapisan masyarakat dunia dengan anggaran 21% lelaki di dunia adalah golongan gay (Beren, 2013). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), melaporkan peningkatan gay hampir 100%, seramai 310, 000

pada tahun 2018 berbanding 173,000 pada tahun 2017 (Berita Harian, 2018). Menurut Kamal Azmi et al (2015), masyarakat Melayu mencatatkan peratusan kedua tertinggi (19%) berbanding masyarakat Cina (70%). Peningkatan ini bukan sahaja meningkat dari segi jumlah malah peningkatan pesakit HIV baru yang disebabkan aktiviti seksual sesama jenis juga turut meningkat. Sebelum ini pesakit yang menyuntik dadah atau *people who inject drugs* (PWID) berada di carta tertinggi iaitu 70-80% daripada kes keseluruhan, namun *trend* hari ini menunjukkan perubahan kepada *sexual transmission* melalui hubungan sejenis iaitu *men who have sex with men* (MSM) bermula tahun 2011 dan menjadi pemacu utama pada tahun 2018 (Global AIDS Response Progress Report, 2016).

Menurut Malaysian AIDS council (2016), jangkitan HIV baru bagi homoseksual lebih ramai berbanding heteroseksual iaitu homoseksual sebanyak 1553 kes manakala heteroseksual 1311 kes. Golongan lesbian, gay, biseksual, dan transgender (LGBT) merupakan kelompok tertinggi dijangkiti HIV yang mewakili 50 peratus kes baharu dilaporkan sepanjang 2017 iaitu sebanyak 1697 daripada 3347 kes HIV (Utusan Online, 2018). Kebimbangan juga turut timbul apabila peningkatan ini juga meningkat setiap tahun bermula pada tahun 2000, kes yang dilaporkan adalah 63 kes namun pada 2016, kes yang dilaporkan adalah 1553 kes manakala pada tahun 2017, 1697 kes telah dilaporkan (Utusan Online, 2018). *International Women's Alliance for Family Institution and Quality Education* (WAFIQ) melaporkan bahawa pada 2017, seramai 14 daripada 15 penuntut di universiti awam Malaysia dijangkiti HIV/Aids ialah pengamal homoseksual dan biseksual (Berita Harian, 2018). Menurut Utusan Online (2018), golongan gay dan lelaki yang melakukan hubungan sejenis berhadapan risiko jangkitan 27 kali lebih tinggi dijangkiti virus HIV berbanding faktor lain. Berdasarkan statistik di peringkat global, data analisis khas UNAIDS 1.8 juta kes jangkitan baharu di seluruh dunia dengan 504,000 daripadanya terdiri daripada golongan LGBT.

Menurut Izwan (2016), permasalahan isu gay bukan lagi isu baharu di Malaysia mahu pun di barat kerana isu gay dan lesbian boleh didapati setiap hari di media sosial dan surat khabar. Pelbagai faktor yang menjadi punca mengapa belia Melayu menjadi gay. Persekitaran yang positif memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keperibadian seseorang individu serta mampu mempengaruhi pemilihan identiti apabila meningkat dewasa. Rakan sebaya memberi pengaruh kepada golongan belia dalam menghadapi kekeliruan memilih orientasi seksual. Persekitaran yang positif oleh rakan sebaya berkaitan homoseksual membantu seseorang individu menerima homoseksual sebagai orientasi seksual mereka. Selain itu, persekitaran yang positif banyak dibentuk bagi golongan homoseksual di luar negara bagi mengalakkan penerimaan dan mengelakkan penolakan daripada masyarakat setempat serta menambahkan keyakinan diri bagi golongan kanak-kanak yang mempunyai keinginan kepada pasangan sesama jenis. Ochman (1996), pameran aura positif daripada seseorang model ikutan kepada individu lain mampu merubah persepsi seorang individu ke arah lebih baik. Sebagai contoh menonjolkan kanak-kanak yang mempunyai naluri sejenis kepada buku cerita yang mempunyai karakter meminati sesama jenis mampu memberikan kesan positif kepada persepsi kanak-kanak tersebut. Seseorang individu boleh mempunyai keyakinan diri yang

tinggi jika mereka berkongsi karakter yang sama dengan model ikutan berkongsi beberapa tingkah laku yang sama dengan model ikutan mereka (Gomillion & Giuliano, 2011). Walaupun persekitaran ini di lihat positif, namun suasana ini akan menambahkan lagi golongan homoseksual dan menunjukkan bahawa kewujudan mereka ini dialu-alukan.

Di barat, peranan ibu bapa, guru dan rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam membantu perkembangan golongan homoseksual. Ibumama memainkan peranan dalam pembangunan diri anak-anak. Kajian Daniel G. Brown pada tahun 1963, berkaitan *Homosexuality and Family Dynamics* mendapati kewujudan golongan lelaki gay adalah berpunca daripada sikap ibu yang dominan dan bapa yang lemah. Terdapat beberapa keadaan dan suasana yang boleh menyebabkan berlakunya homoseksual seperti biologi, emosi, ibu bapa, keluarga, sosial dan budaya namun perubahan akan berlaku apabila kanak-kanak meningkat dewasa (Pomeroy, 1940).

Persekitaran bukan sahaja melibatkan suasana di rumah dan ibu bapa namun melibatkan orang disekeliling seperti guru, rakan-rakan, jiran dan media massa. Menurut Amran Hassan & Salleh Amat (2015), peranan media massa dan kesan globalisasi budaya sedikit sebanyak membuka ruang pengamalan budaya homoseksual. Isu golongan LGBT ini, telah menjadi tumpuan apabila satu persatu maklumat kewujudan golongan di buka oleh pihak media seperti surat khabar, majalah serta rancangan terkemuka di televisyen. Rancangan Majalah Tiga turut memaparkan kawasan yang tertutup yang melibatkan golongan gay yang terdapat di Malaysia. Selain faktor persekitaran yang menjadi fokus utama kajian, penularan kecenderungan hubungan sesama sejenis ini dapat dilihat dengan wujudnya kelab-kelab gay di seluruh negara (Kosmo, 2008). Pada tahun 2018, sebuah pusat hiburan gay yang dibuka lebih 30 tahun telah diserbu oleh pihak berkuasa (Berita Harian Online, 2018). Blog, laman web sosial seperti twitter dan facebook dijadikan pengantara oleh kumpulan gay Melayu untuk aktif dan mengumpulkan seramai mungkin ahli (Utusan Malaysia, 2012).

Menurut Kamal Azmi et.al (2015), facebook, youtube, instagram dan twitter turut menjadi pilihan gay dan lesbian untuk mempromosikan agenda mereka serta membina jaringan di serata dunia. Hammack's (2005), media memberi pengaruh penting dalam psikologikal termasuk persepsi individu itu sendiri. Selain itu kewujudan pelbagai rangkaian media sosial yang membantu perkembangan golongan ini. Di barat, laman sesawang seperti Craigslist, Adam4Adam, Blackgaychat dan Myspace telah digunakan untuk mencari pasangan untuk tujuan melakukan sex. Setiap daripada informan yang di temubual mempunyai akaun Myspace yang di anggap sebagai 'ruangan gay' kerana golongan yang muncul dalam laman itu menonjolkan diri mereka sebagai gay. (R. Stevens, Bernadini, & Jemmott, 2015)

Terdapat empat jurang perbezaan yang jelas antara kajian lepas dan kajian yang dijalankan sama ada dari sudut konteks kajian, teori mahupun praktis. Kajian yang dilakukan oleh Allen (2004), berkaitan memahami pembangunan identiti gay dalam persekitaran kolej mempunyai persamaan namun kajian ini tidak menyentuh agama atau kaum dalam kajian yang dijalankan dan kajian hanya berfokuskan kepada kawasan persekitaran kolej. Kajian Robertson (2013), berkaitan memahami orientasi seksual, identiti dan perilaku di kalangan remaja di pusat belia LGBT juga mempunyai persamaan namun kajian ini lebih berfokuskan kepada kajian etnografi dan melibatkan semua golongan minoriti seksual iaitu lesbian, gay, biseksual dan transgender. Walaupun kajian oleh Suriati Ghazali et. al (2012), menggunakan kaedah yang lebih kurang sama, namun kajian ini lebih berfokuskan kepada golongan transeksual dalam lingkungan universiti tempatan dan kajian ini banyak membincangkan proses difusi ruangan budaya bagi golongan ini.

Kajian oleh Gallo Ajeng Yusinta Dewi & Endang Sri Indrawati (2017), berkaitan pengalaman menjadi gay menggunakan kaedah analisa yang sama iaitu menggunakan *Interpretative Phenomenological Analysis (IPA)*. Namun kajian ini sedikit berbeza kerana tumpuan utama adalah mendalami pengalaman gay untuk 'coming out' atau menonjolkan identiti gay kepada umum. Kajian tersebut meneliti beberapa aspek seperti penampilan gay, proses penyesuaian diri dengan pelbagai kelompok, status sosial dan kepuasan peribadi. Walaupun kaedah dan tujuan kajian mempunyai beberapa persamaan, namun kajian ini adalah berbeza kerana fokus utama kajian yang dikaji oleh pengkaji adalah mengenalpasti punca mengapa belia Melayu menjadi gay, menilai gaya hidup sebagai seorang gay, penampilan diri, penghayatan agama dan proses sosialisasi yang berlaku. Semua aspek diberikan penekanan dalam usaha memahami fenomena homoseksual dalam kalangan belia gay Melayu di sekitar Lembah Klang.

Jika dilihat, kajian lepas tidak banyak berfokuskan terhadap golongan belia gay yang berbangsa Melayu. Malaysia mempunyai pelbagai bangsa dan budaya, namun peratus tertinggi adalah penduduk berbangsa Melayu. Kajian seumpama ini perlu bagi memahami mengapa belia Melayu menjadi gay kerana hasil pemerhatian di kawasan santai golongan gay, mendapati kebanyakan mereka adalah terdiri daripada golongan Melayu. Walaupun banyak usaha dan kekangan seperti memasang lampu di kawasan tumpuan gay, program motivasi, program kesedaran, kempen kesedaran dan seumpamanya telah dilakukan oleh pihak berwajib seperti JAKIM, parti politik, dan organisasi bukan kerajaan namun usaha tersebut seolah-olah tiada kesan bagi golongan LGBT umumnya, dan golongan gay khususnya. Kewujudan golongan ini semakin hari semakin mudah di kesan melalui media sosial mahupun di dunia realiti. Golongan gay atau lesbian mempunyai pilihan untuk menyembunyikan atau menampilkan identiti diri sebenar daripada pengetahuan keluarga, rakan sekerja serta kawan-kawan. Namun semenjak 25 tahun kebelakangan ini, golongan ini dilihat lebih berani menampilkan identiti sebenar sama ada kepada keluarga ataupun kawan-kawan dan mereka berani melakukannya ketika usia yang masih muda (Postic & Prough, 2014; Shilo & Savaya, 2011). *Pew Research Center* membuat tinjauan dan mendapati 96% lelaki gay dan 94% lesbian telah berani mendedahkan identiti seksual mereka kepada kawan dan sekurang-kurangnya

seorang kawan sudah mengetahui status identiti seksual mereka (Pew Research Center, 2013).

Pendidikan komuniti adalah satu proses pendidikan sepanjang hayat merangkumi golongan kanak-kanak sehingga golongan tua. Bidang pendidikan komuniti dan pembangunan, mempunyai dua elemen penting iaitu elemen penyebaran budaya dan pembangunan diri yang sering digunakan dalam meneruskan proses pembelajaran sepanjang hayat. Proses pembelajaran tidak hanya berlaku disekolah, seperti pembelajaran secara formal sebaliknya pembelajaran juga merangkumi pelbagai aspek dan melibatkan pembelajaran dan pengajaran secara “*informal*” dan “*non-formal education*”. Kajian ini memandangi isu belia Melayu gay dari sudut pendidikan komuniti dan pembangunan. Dalam skop kajian ini, pendidikan komuniti dan pembangunan dilihat sebagai satu cabang bagi memahami masalah sosial dalam komuniti terutamanya golongan belia. Memahami kehendak komuniti dan bergerak bersama komuniti adalah satu aspek penting dalam pendidikan komuniti dan pembangunan sebelum melaksanakan sebarang proses, program atau aktiviti penambahbaikan kepada isu yang timbul.

Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan beberapa persoalan kajian sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian yang dicadangkan. Antara persoalan kajian yang telah di gariskan adalah seperti berikut:

- I. Mengapa belia Melayu memilih untuk menjadi gay?
 - a. Apakah faktor penarik kepada pemilihan mereka untuk menjadi gay?
 - b. Apakah faktor penolak kepada pemilihan mereka untuk menjadi gay?
- II. Bagaimana gaya hidup seorang gay?
 - a. Bagaimanakah penampilan diri belia gay Melayu?
 - b. Sejauhmana nilai dan amalan agama dihayati oleh belia gay Melayu?
- III. Bagaimanakah personaliti belia gay Melayu?
- IV. Bagaimanakah proses sosialisasi berlaku dalam kalangan komuniti belia gay Melayu?

1.4 Skop kajian

Skop kajian merangkumi beberapa kriteria utama iaitu : (1) Informan adalah seorang belia gay berketurunan Melayu; (2) mempunyai pengalaman menjadi seorang gay; (3) Tinggal di sekitar Lembah Klang; (4) Berumur dalam lingkungan 15-40 tahun (4) mempunyai pengalaman melakukan sex sesama lelaki; (5) secara suka rela sudi berkongsi tentang pengalaman hidup sebagai seorang gay; (6) membenarkan pengkaji untuk menemubual mereka, melakukan pemerhatian serta merekodkan tape/video dalam proses kajian; (7) berpendidikan atau pernah memasuki universiti.

1.5 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai batasan seperti kajian ini terhad kepada golongan belia gay Melayu yang berada di sekitar Lembah Klang sahaja. Kajian ini juga memerlukan pengkaji membina 'rapport' yang baik dengan informan memandangkan pengkaji adalah wanita dan informan adalah lelaki. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan fenomenologi bagi membolehkan pengkaji mengenengahkan pengalaman subjektif kehidupan beberapa individu yang melalui fenomena yang sama. Selain daripada itu, dalam menyiapkan kajian ini, maklumat bergantung sepenuhnya kepada kejujuran informan dalam menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji. Kajian kualitatif adalah satu kaedah yang membantu pengkaji untuk lebih memahami fenomena homoseksual kerana dalam kajian ini pengkaji melakukan temubual secara mendalam dan pemerhatian tidak turut serta bagi mendapat data kajian dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan memberikan sumbangan kepada bidang ilmu dan pembentukan polisi serta sumbangan dari sudut praktis khususnya dalam usaha memindahkan ilmu kepada komuniti yang terlibat dan masyarakat setempat.

1.6.1 Sumbangan kepada Bidang Ilmu

1. Memberi penjelasan lebih terperinci mengenai fenomena homoseksual dalam kalangan belia dengan menjalankan kajian yang lebih mendalam dalam usaha memastikan pendidikan sepanjang hayat dapat serapkan kepada belia. Selain itu, kajian ini boleh memberikan penyelesaian alternatif kepada masalah sosial semasa dalam proses mendidik dan membangunkan komuniti serta membuka ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dimasa hadapan.
2. Penglibatan pengkaji dalam kajian ini dapat sumbangan baru kepada bidang kajian kerana jantina pengkaji adalah kontra dengan informan. Tanggapan awal kajian mungkin sukar di lakukan kerana perbezaan jantina namun begitu, ternyata apa yang berlaku sebaliknya. Responden menyatakan bahawa mereka lebih selesa di temubual oleh pengkaji wanita berbanding lelaki kerana faktor mereka meminati lelaki berbanding wanita.
3. Kajian ini banyak memfokuskan kepada teori psikososial berbanding kajian terdahulu banyak memfokuskan kepada teori biologi dan genetik. Ini akan menyumbang kepada pengetahuan baru dalam kajian pembangunan golongan gay.
4. Kajian seumpama ini juga adalah sebuah kajian yang baru kerana sebelum ini kajian banyak berfokuskan kepada kelompok lesbian, biseksual dan transgender (LBT) dan kurang kajian berkaitan golongan belia gay (G). Kajian ini juga menghadapi masalah dalam pencarian soroton literatur bagi kajian di Malaysia memandangkan kajian terhadap golongan gay ini banyak di lihat daripada aspek biologi, genetik, psikatrik dan perbandingan agama dalam isu penerimaan golongan ini. Kajian ini memandangkan dari sudut psiko

sosial dan sudut pendidikan komuniti dan pembangunan akan memberikan nilai tambah yang baru kepada bidang kajian khususnya dan kajian tempatan umumnya.

1.6.2 Sumbangan kepada praktis

1. Sumbangan dari segi praktis, kajian ini menyumbangkan kepada institusi masyarakat kepada pembinaan modul latihan @ pendidikan di masa hadapan dalam usaha merawat masalah sosial dalam kalangan belia terutamanya belia Muslim di Malaysia.
2. Kajian ini bakal menyumbangkan hasil secara empirikal mengapa belia Melayu menjadi gay dan memudahkan pihak berwajib seperti JAKIM dan Kementerian Pembangunan Wanita untuk menjalankan program motivasi serta pemulihan bagi golongan ini.
3. Kajian ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada institusi kekeluargaan dan masyarakat. Kajian ini boleh dijadikan asas panduan bagi pihak yang terlibat dalam pembangunan keluarga dan masyarakat memandangkan permulaan belia mengenal kehidupan gay adalah bermula daripada usia yang masih muda iaitu di sekolah rendah. Membentuk belia yang bebas daripada masalah homoseksual bukan satu benda yang mudah, pihak berwajib juga harus berganding bahu bersama ibubapa dalam mendepani isu homoseksual ini dengan berusaha menyediakan platform yang lebih positif, sistem sokongan kondusif serta selamat bagi golongan ibubapa yang sudah mengenalpasti tanda-tanda homoseksual dalam diri anak mereka.

1.6.3 Sumbangan kepada polisi

Pembuat polisi/dasar dan pihak berkuasa diantara pihak yang berkepentingan dalam penggunaan hasil kajian ini selain daripada pelajar siswazah yang melanjutkan pelajaran yang mempunyai keinginan dalam menjalankan kajian seumpama ini.

1.6.3.1 Penggubal polisi/dasar:

- a. Kajian ini dapat membantu pihak penggubal polisi /dasar dalam memahami serta menilai golongan gay dari sudut mengapa belia Melayu menjadi gay, gaya hidup serta cara penularan di Malaysia sebelum membuat atau meminda sesuatu polisi. Kajian perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum sesuatu polisi yang melibatkan golongan homoseksual khususnya dan rakyat Malaysia umumnya bagi mengelakkan salah faham dalam kalangan masyarakat dalam memahami sesuatu skop polisi. Isu berkaitan gay ini selalunya ditegah daripada di warwarkan kepada umum dan kajian seumpama ini perlu bagi mengenalpasti punca penglibatan golongan muda dalam tingkah laku homoseksual ini.
- b. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi asas kepada pembentukan polisi dan dasar berkaitan belia umumnya dan golongan LGBT khususnya pada

masa akan datang oleh pihak yang terlibat dalam pembangunan belia. Belia hari ini tidak seperti belia dahulu, yang banyak terdedah kepada arus globalisasi yang mampu merencatkan pembangunan belia jika tidak ditangani dengan sebaik mungkin.

1.6.3.2 **Pihak berkuasa:** Kajian ini dapat membantu pihak berkuasa dalam membanteras budaya homoseksual daripada berleluasa di Malaysia. Pihak berkuasa yang dimaksudkan adalah Jabatan Agama Islam. Pendekatan yang lebih holistik dan berkesan boleh digunakan oleh pihak berkenaan dalam mendidik komuniti yang terpinggir ini dengan mengenalpasti siapa yang terlibat, di mana, latar belakang dan faktor yang mendorong mereka ke arah gay.

1.6.3.3 **Pihak Universiti/Pihak Sekolah:** Kajian ini dapat membantu pihak sekolah atau universiti dalam usaha mengenal pasti golongan homoseksual. Pihak sekolah atau universiti boleh menjadikan kajian ini panduan asas dalam membina satu modul pembelajaran atau silibus yang dapat membantu golongan homoseksual mengenal diri dan dapat membantu golongan yang masih diperingkat awal kekeliruan untuk kembali kepada fitrah sebenar.

1.7 Definisi Istilah

Fenomena Homoseksual

Fenomena adalah keadaan dapat di kesan oleh pancaindera dan dapat pula dijelaskan secara ilmiah manakala homoseksual adalah cenderung atau tertarik dari segi seks pada orang yang sama jantintanya (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

Homoseksual

Keinginan seksual terhadap pasangan sesama jenis samaada gay ataupun lesbian Golongan lelaki yang mempunyai tarikan dari segi emosi, perasaan dan naluri seksual dan tingkah laku kepada sesama jantina. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua homoseksual membawa maksud cenderung atau tertarik dari segi seks pada orang yang sama jantintanya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, homoseksual membawa maksud orang yang tertarik nafsu syahwatnya kepada orang yang sejenis dengannya, terutama lelaki dengan lelaki. Papalia, Old, dan Feldman (2012) menjelaskan bahwa homoseksualiti adalah fokus ketertarikan seksual, romantis, dan kasih sayang yang konsisten kepada jenis kelamin yang sama.

Belia

Golongan yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun (Dasar Belia Malaysia, 2015).

Orientasi Seksual

Arah keinginan seksual seseorang individu samaada kepada sesama jantina (homoseksual), berlainan jantina (heteroseksual) dan gabungan kedua-dua (biseksual). Orientasi seksual boleh di lihat melalui tiga cara berbeza iaitu:

- i. Orientasi: Bagaimana seseorang itu merasai tarikan kepada seksual
- ii. Tingkah laku: Apa yang seseorang itu lakukan
- iii. Identiti: Apa seseorang itu zahirkan.

Ketiga-tiga cara untuk melihat orientasi seksual itu adalah betul dan kajian ini lebih menfokuskan kepada orientasi seksual berdasarkan identiti dan tingkah laku. Walaubagaimanapun orientasi juga turut diberikan perhatian.

Identiti Gender

Identiti gender adalah identiti diri yang ditonjolkan mengikut acuan yang dikehendaki oleh individu itu sendiri. Identiti gender seseorang individu tidak semestinya sama dengan jantina kelahiran. Ini kerana identiti gender adalah bersifat dalaman yang diterjemahkan melalui pemakaian atau tingkah laku oleh seseorang individu. Sebagai contoh, Maknyah itu identiti gender, jantina individu terbabit adalah lelaki dan orientasi seksual mungkin lurus, homoseksual atau biseksual.

Heteroseksual

Keinginan seksual terhadap pasangan berlawanan jenis seperti lelaki dengan perempuan. Golongan ini turut dikenali sebagai golongan lurus atau *straight* dan cisgender. Golongan heteroseksual dianggap golongan normal kerana tidak melawan norma-norma kehidupan dan fitrah manusia.

Biseksual

Keinginan seksual terhadap kedua-dua jantina. Golongan ini cenderung melakukan hubungan seks atau mempunyai keinginan seksual terhadap lelaki dan wanita. Mereka lebih sukar dikenalpasti kerana identiti mereka sukar untuk diteliti.

Gay

Golongan lelaki yang mempunyai tarikan dari segi emosi, perasaan dan naluri seksual dan tingkah laku kepada kaum sejenis. Gay juga boleh dianggap satu label bagi golongan homoseksual lelaki.

MSM

Satu label yang digunakan bagi lelaki yang mempunyai hubungan seks dengan lelaki. MSM adalah singkatan dalam bahasa inggeris yang membawa maksud *men who have sex with men*.

Lesbian

Golongan wanita yang mempunyai tarikan dari segi emosi, perasaan dan naluri seksual dan tingkah laku kepada sesama jantina. Lesbian juga dianggap satu label bagi golongan homoseksual wanita. Lesbian lebih sukar untuk di kenal pasti kerana golongan ini tidak semestinya menjadi seorang pengkid, bagi menonjolkan identiti sebagai seorang lesbian. Kebanyakan wanita lesbian dilihat seperti wanita normal biasa.

Transgender

Lelaki yang menyerupai wanita, atau wanita menyerupai lelaki. Transgender adalah payung utama kepada identiti gender dan terdapat beberapa label gender dibawah transgender seperti:

- I. Transeksual: Golongan yang menganggap diri mereka terperangkap dalam jasad yang berbeza daripada naluri yang mereka inginkan dan menganggap mempunyai organ seks yang tidak sesuai dengan naluri mereka. Golongan ini melakukan pembedahan untuk menampakkan mereka adalah jantina yang sebaliknya.
- II. Transvestite (*cross dresser*): Lelaki yang berpakaian wanita dan menonjolkan identiti serta pemakaian berbeza daripada jantina sewaktu dilahirkan atau lebih mudah dikenali sebagai maknyah. Mereka ini tidak menjalankan pembedahan seperti golongan transeksual.
- III. Drag Queen atau Drag King: Golongan yang akan berpakaian seperti lelaki atau perempuan hanya semata-mata untuk berhibur kebiasaannya boleh dilihat di bar atau kelab malam.

Lelaki Lembut

Mempunyai naluri kewanitaan, penampilan lembut namun pemakaian sama seperti lelaki tulen walaupun perwatakan dan percakapan seperti perempuan. Lelaki lembut tidak semestinya mempunyai orientasi seksual yang menyukai sesama jenis iaitu homoseksual.

Maknyah/Pondan

Lelaki lembut yang mempunyai naluri, perwatakan, percakapan, penampilan diri sama seperti perempuan. Orientasi seksual bergantung kepada minat seseorang maknyah/pondan terbabit. Maknyah/Pondan ini adalah identiti gender bukan orientasi seksual.

Tomboy

Wanita menyerupai lelaki tetapi tidak mempunyai kecenderungan seks terhadap pasangan sesama jenis. Wanita tomboy memakai pakaian menyerupai lelaki dan bercakap gaya ala seorang lelaki.

Pengkid


Wanita yang menyerupai lelaki, lebih maskulin dan meminati pasangan sesama jenis. Pengkid identiti gender manakala lesbian lebih berfokuskan kepada orientasi seksual.

Liwat

Liwat adalah berasal daripada perkataan Arab iaitu لواط, yang membawa maksud persetubuhan melalui lubang dubur di antara lelaki dengan lelaki atau lelaki dengan wanita secara rela atau paksa. Liwat adalah amalan yang di larang dalam Islam kerana ia memberikan kesan yang tidak sihat kepada pengamalnya (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015)

Belia Melayu

Orang yang mengaku beragama Islam, secara lazimnya bercakap menggunakan bahasa Melayu, dan menggunakan adat melayu dan berusia antara 15 hingga 30 tahun (Dasar Belia Malaysia, 2015).



Rajah 1.1 : Proses kajian

1.8 Ringkasan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian mengenai golongan gay (homoseksual). Proses melakukan kajian turut di muatkan dalam bentuk rajah bagi memudahkan pembaca memahami perjalanan kajian serta mendapat gambaran tentang tajuk kajian dan isi kajian secara menyeluruh. Dalam bab ini juga, mengemukakan pernyataan masalah yang wujud yang menjadi salah satu faktor mendorong pengkaji menjalankan kajian terhadap golongan ini. Selain daripada sumbangan kajian, bab ini juga menyatakan limitasi yang dihadapi oleh pengkaji sepanjang kajian dijalankan.



RUJUKAN

- A. Aziz Deraman (2018, Ogos 22). Pengamal LGBT lawan akhlak Islam. *Utusan Online*, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pengamal-lgbt-lawan-akhlak-islam-1.733645>
- Abu-Saud, M. (1990). *Concept of Islam (Indianapolis, IN: American Trust Publications)*.
- Al- Abdul Ghani Kanesan Abdullah, Aziah Ismail, Abdul Rashid Mohamad, Nor Shafrin Ahmad, Fadillah Amzah. (2007). Pembangunan Modal Insan Melalui Program Akademik di IPTA Malaysia: Satu Analisis Pendekatan, Mekanisme dan Masalah Pelaksanaan.
- Aldridge, J. M., Mcchesney, K., & Afari, E. (2017). Relationships between School Climate, bullying and delinquent behaviours. *Learning Environments Research*. <https://doi.org/10.1007/s10984-017-9249-6>
- Adibah Abdul Rahim, Mariam Adawiah Dzulkifli & Rohaiza Rokis. (2017). Buku Apa salah pengkid. Telaga Biru Sdn.Bhd. Cetakan pertama September. ISBN 978-967-388-323-3.
- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. (2015). Faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan kembali pulih dalam kalangan lesbian: Satu kajian kes. *Journal of Social Science and humanities*. e-bangi. Selangor. Vol. 10, No. 1 (2015) 001-015, ISSN: 1823-884x.
- Allen, R. (2004). *Understanding Gay Identity Development Within the College Environment*.
- Amran Hassan, Fatimah Yusooff & Khadijah Alavi. (2011). Transeksualiti Perspektif Islam dan Keluarga Dalam Konteks Kesejahteraan. Kertas kerja dibentangkan di PERKAMA International Counseling Convention, National Academy, Kuala Lumpur. 22-23 Jun 2011.
- American Psychological Association. (2008). Answers to your questions: For a better understanding of sexual orientation and homosexuality. Retrieved from 10
- Aziah Ismail, Sufean Hussin & Abdul Ghani Abdullah. (2007). Agenda Pembangunan Universiti Awam di Malaysia dalam Usaha Memperkasakan Modal Insan Negara dalam Monograf Pengajaran & Pembelajaran IPTA, *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*.
- Abu-Saud, M. (1990). *Concept of Islam (Indianapolis, IN: American Trust Publications)*.

- Al-Bakri, Z. M. (2017). Bayan Linnas Siri Ke- 92 : Perlakuan Homoseksual dalam Islam. Retrieved from <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1595-bayan-linnas-siri-ke-92-perlakuan-homoseksualiti-dalam-islam>
- Allen, R. (2004). Understanding Gay Identity Development within the College Environment.
- American Psychological Association. (2008). Answers to your questions: For a better understanding of sexual orientation and homosexuality. Retrieved from <http://www.apa.org/topics/lgbt/orientation.aspx>
- Arifin, R. binti M., Wahab, N. B. A., Teh, K. S. bin M., & Otman, M. S. (2018). Influence of Social Environment on Student's Behaviour. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7), 930–939.
- Azzopardi, A. (2011). Conceptualising discursive communities: developing community in contemporary society. *International Journal of Inclusive Education*, 15(1), 179–192. doi:10.1080/13603116.2010.496215
- Baden Offord & Leon Cantrell. (2013). Homosexual Rights as Human Rights in Indonesia and Australia. *Journal of Homosexuality*, 40(3-4), 233–252. doi:10.1300/J082v40n03_12
- Beren, M. (2013). Gay and lesbian families in the early childhood classroom: Evaluation of an online professional development course. *Learning Landscapes. Vol. 7, No.1*, 61-79.
- Boellstorff, T. O. M. (2005). Between Religion and Desire : Being Muslim and Gay in Indonesia, *107*(4), 575–585.
- Blackstone, A. M. (2017). Gender Roles and Society, (August 2003).
- Brofenbrenner U. Ecological models of human development. In *International encyclopedia of education*. 2nd. ed. Vol. 3. Elsevier; Oxford, UK: 1994.
- Brooks, V. R. (1981). *Minority Stress and Lesbian Women*. Lexington, MA: Lexington Books.
- Buerah, T., Shahrin, H., Nur Afzan, M. & Maznah, A. (2015). Faktor Risiko Belia Terlibat dalam Penyalahgunaan Dadah dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Belia Muslim Terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1).
- Buzzell, T. (2005). Demographic characteristics of persons using pornography in three technological contexts. *Sexuality & Culture*, 9(1), 28-48.

- Century, F., Nardi, P., Gagnon, J., Barry, D., Willem, J., Perspectives, L., Wotherspoon, G. (2010). Handbook of Lesbian and Gay Studies. In *handbook of lesbian and gay studies* (pp. 199–215). London: SAGE Publications Ltd. doi:<http://dx.doi.org/10.4135/9781848608269.n13>
- Danial Ariff Shaari (2018, Mac 21). Usah tunduk desakan aktivis liberal, isu LGBT. *Berita Harian Online*, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/03/401845/usah-tunduk-desakan-aktivis-liberal-isu-lgbt>
- Dewi, R. S. (2014). Studi mengenai gambaran proses pembentukan identitas homoseksual pada gay tahapan dewasa awal di kota Bandung. *Repository Unpad*
- Doornwaard, S. M., Ter Bogt, T. F., Reitz, E., & Van Den Eijnden, R. J. (2015). Sex-related online behaviors, perceived peer norms and adolescents' experience with sexual behavior: Testing an integrative model. *PloS One*, 10(6), e0127787.
- Faizah, Y. (2006). *Khidmat Sosial di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fox, C., & Neill, D. (2012). Articulating Sexuality A Critical History of Gay and Lesbian Anthropology, 1–72.
- Friedman, R.C. (1998). Homosexuality. *Juornal of Psychological Association*. 69-79.
- Ginny Ryan (2015). The Impact of Social Media on the Sexual and Social Wellness of Adolescents. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology*
- Gomillion, S. C., & Giuliano, T. a. (2011). The Influence of Media Role Models on Gay, Lesbian, and Bisexual Identity. *Journal of Homosexuality*, 58(3), 330–354. doi:10.1080/00918369.2011.546729
- Hurlock, E.B., 2000, *Psikologi perkembangan: Suatu pendekatan sepanjang rentang kehidupan*, Jakarta: Penerbit Erlangga
- Hushim Haji Salleh. (2015). Ancaman terhadap aqidah umat Islam oleh gerakan LGBT. cetakan pertama. Institut kajian strategic Islam Malaysia
- Intan Mas Ayu Shahimi (2017, Ogos 23). Statistik mengejutkan. *Harian Metro*, <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256820/statistik-mengejutkan>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Anggaran Penduduk Semasa Malaysia bagi tahun 2016.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2008. Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Belia. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd Jenayah moral paling serius. (2008). *Kosmo*.
- Johns Hopkins University Bloomberg School of Public Health. (2017, November 9). Neighborhood's quality influences children's behaviors through teens, study

suggests: Findings could inform housing and community services policymaking.

Kementerian Belia dan Sukan. (2015). Dasar Belia Malaysia. Diambil daripada file:///C:/Documents%20and%20Settings/user/My%20Documents/Downloads/DBM_Booklet_2015L%20(2).pdf

Khairul Anwar. (2015). Suami Gay, isteri mak nyah. Cetakan pertama. PTS publication & distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Kuhar, R., & Švab, A. (2015). The Only Gay in the Village ? Everyday Life of Gays and Lesbians in Rural Slovenia The Only Gay in the Village ? Everyday Life of Gays and Lesbians in Rural Slovenia, 8369(November). doi:10.1080/00918369.2014.872492

Lindblom, J. (2015). Coming Out As Gay : A Phenomenological Study About Adolescents Disclosing Their Homosexuality To Their Parents, 43(3), 467–480.

Minwalla, O., Rosser, B. R. S., Feldman, J., & Varga, C. (2005). Identity experience among progressive gay Muslims in North America : A qualitative study within Al-Fatiha, 7(March), 113–128. doi:10.1080/13691050412331321294

Mohd Izwan Bin Md Yusof. (2016). tesis perspektif komuniti lesbian, gay, biseksual dan transgender muslim di malaysia terhadap perlakuan homoseksual dan konsep perkahwinan di dalam al-qur'an. Fakulti Pengajian. Ukm. Bangi

Noor Hafizah Mohd Haridi, D., & Norsaleha Mohd Salleh. (2016). Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (Lgbt) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia, 2(2).

Noor Emma, A. & Leong, K. E. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1) :3 - 4.

Noraini Mohd Noor, Jamil Farooqui, Ahmah Abd. Al- Rahim Nasir, Hazizan Bin Md. Noon, and S. A. R. (2005). *Sexual Identity Effeminacy among university students* (first Edit.). Research Center International Islamic University Malaysia.

Nevid, J.S., Rathus, S.A. & Greene, B. (2005). *Psikologi Abnormal, Edisi kelima, Jilid 2*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

Perlmutter, M., & H. . (1985). *Adult development and aging*. New York : Wiley.

Pew Research Center. (2013, June 13). A Survey of LGBT Americans. <https://www.pewsocialtrends.org/2013/06/13/a-survey-of-lgbt-americans/>

Pomeroy, W. (1940). What Causes Homosexuality ? The Brain Studies of Simon LeVay, 1–34.

Postic, R., & Prough, E. (2014). That's Gay! Gay as a Slur Among College Students. *SAGE Open*, 4(4). doi:10.1177/2158244014556996

- Pujuk Gay Melayu. (2012). *myMetro*.
- Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani Md Nawi. (2015). Latar belakang, faktor pengekalan dan pandangan terhadap tingkah laku mahasiswa lelaki kecelaruan identiti gender. *Journal Southeast Asia Psychology* Vol. 1. Malay. Diakses daripada <http://www.cseap.edu.my/sapj>. pada 17 November 2017
- Robertson, M. A. (2013). "How Do I Know I Am Gay?": Understanding Sexual Orientation, Identity and Behavior Among Adolescents in an LGBT Youth Center. *Sexuality & Cultural*. doi:DOI 10.1007/s12119-013-9203-4
- Rodríguez-Pineda, J. A. (2000). *Understanding Gay Identity Development: Critical Incidents In The College Environment*.
- Roslee Ahmad, Salleh Amat, Mohd Isa Amat, Rezeki Perdani Sawai, Muhammad Khairi Mahyuddin & Ahmad Najaa_ Mokhtar. 2017. Pembangunan alat ukur orientasi seks perlakuan gay dan lesbian. *Journal Psikologi dan Kaunseling*. 175-193
- Running, D. M., Ligon, J. B., & Miskioglu, I. (1999). from the SAGE Social Science Collections . All Rights Reserved. *Journal of Composite Materials*, 33(10), 928–940. doi:0803973233
- Sachin Jain &, & Silva, S. (2011). The development of a Sexual Orientation Scale, 1(3), 208–221.
- Saewyc, E. M. (2011). Research on Adolescent Sexual Orientation : Development, Health Disparities, Stigma, and Resilience, 21(1), 256–272. doi:10.1111/j.1532-7795.2010.00727.x
- Savin-Williams, R. C. (2006). Who's gay? Does it matter? *Current Directions in Psychological Science*, 15(1), 40–44. doi:10.1111/j.0963-7214.2006.00403.x
- Savin-Williams, R. C., & Ream, G. L. (2007). Prevalence and Stability of Sexual Orientation Components during Adolescence and Young Adulthood. *Archives of Sexual Behavior*, 36(3), 385–394. doi:10.1007/s10508-006-9088-5
- Sell, R. L. (1997). Defining and Measuring Sexual Orientation : A Review, 26(6), 643–658.
- Sell, R. L. (1997). Defining and measuring sexual orientation: a review. *Archives of Sexual Behavior*, 26(6), 643–658. doi:10.1023/A:1024528427013
- Shilo & Savaya. (2011). Effects of family and friend support on LGB youths' mental health and sexual orientation milestones. *Family Relations*, (60), 318–330.
- Siraj, A. (2009). The construction of the homosexual "other " by British Muslim heterosexuals, 41–57. doi:10.1007/s11562-008-0076-5
- Stevens, R. A. (2004). Understanding Gay Identity Development Within the College Environment. *Journal of College Student Development*, 45(2), 185–206. doi:10.1353/csd.2004.0028

- Stevens, R., Bernadini, S., & Jemmott, J. B. (2015). Social environment and sexual risk-taking among gay and transgender African American youth, *1058*(December). doi:10.1080/13691058.2013.809608
- Syarifah Rohaniah Syed Mahmood. (2011). Effeminacy among Male University Students of Malaysia: What Are The Underlying Contributing Factors. *Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS 2011*.
- Suriati Ghazali et al. (2012). Difusi Ruangan Budaya Transeksualisme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang di Universiti Tempatan Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 252–266.
- Utusan online. (2012). *Utusan Online*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?arc=hive&dt=0311&pg=re_03.htm&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&y=2012
- Zaman, R. (2017). Effect of Parenting Style on Child Behavior : A Qualitative Analysis Effect of Parenting Style on Child Behavior : A Qualitative Analysis, (January 2014). doi:10.2139/ssrn.2515069